Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif

Tumpuan Bank adalah untuk memperkukuh sumbangan sistem kewangan Islam dalam usaha menyokong pembangunan sosioekonomi dan memajukan Malaysia sebagai gerbang antarabangsa bagi kewangan Islam.

Pada tahun 2022, Bank memberikan tumpuan pada usaha memperkukuh peranan kewangan Islam dalam usaha menyokong pemulihan ekonomi yang mampan. Bank bekerjasama rapat dengan industri untuk memajukan kewangan berasaskan nilai bagi memberikan kesan yang lebih besar kepada ekonomi, komuniti dan alam sekitar. Bank juga mempertingkat usaha untuk mengekalkan kepimpinan Malaysia dalam kewangan Islam pada peringkat global. Usaha ini diselaraskan dengan keutamaan pembangunan kewangan Islam seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2022- 2026.

Industri perbankan Islam dan takaful terus mengekalkan pertumbuhannya pada tahun 2022, lantas memperoleh bahagian pasaran yang lebih besar daripada keseluruhan sistem kewangan. Industri ini juga kekal berdaya tahan dengan penampan modal yang kukuh untuk menyokong aktiviti pengantaraan (Gambar Rajah 1). Perkembangan ini membolehkan industri perbankan Islam memberikan sokongan yang mantap kepada keperluan pembiayaan perniagaan termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS), serta isi rumah. Perlindungan kewangan yang lebih meluas juga diberikan kepada pelbagai komuniti (Gambar Rajah 2).

Gambar Rajah 1: Pertumbuhan Industri Perbankan Islam dan Takaful pada Tahun 2022



Nota: [1] Termasuk institusi kewangan pembangunan.
[2] Tidak termasuk aset dana pemegang saham.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2: Inisiatif dan Sumbangan Utama Kewangan Islam pada Tahun 2022



Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, AIBIM (2021) *Value-based Intermediation Full Report,* AIBIM (2020) *Inaugural Islamic Banking Industry Value-based Intermediation Preview Report 2017-2020*

Menyokong pemulihan dan transformasi ekonomi yang mampan

Memperluas akses kepada CAKNA bagi memudahkan pengurusan aliran tunai PKS

Inisiatif Bank pada tahun 2022 disasarkan ke arah usaha untuk membantu pemulihan dan perkembangan perniagaan dalam keadaan ekonomi yang semakin pulih. Berikutan kejayaan skim rintis mudah tunai untuk vendor Kerajaan (CAKNA)[1] pada tahun 2021, skim ini telah diperluas untuk merangkumi enam Kementerian dan dua bank tambahan yang mengambil bahagian. Fasa kedua skim rintis ini dapat memenuhi keperluan kumpulan vendor PKS yang lebih luas dalam usaha menyokong daya tahan perniagaan mereka (Gambar Rajah 3). Ciri-ciri bukan hutang dalam kemudahan ini akhirnya membantu vendor PKS untuk mengakses aliran tunai yang diperlukan untuk operasi perniagaan mereka tanpa meningkatkan tahap hutang mereka.

Memajukan perdagangan dan perniagaan halal

Sektor halal telah diiktiraf sebagai salah satu sektor berimpak tinggi yang boleh memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia.[2] Sektor ini dijangka menyumbang sebanyak 8.1% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia, dan menjana hasil eksport sebanyak RM56 bilion menjelang tahun 2025. Kewangan Islam telah mencapai kemajuan yang ketara dalam usaha menyokong perniagaan halal dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Penggunaan penyelesaian kewangan Islam oleh syarikat yang diperakui halal telah meningkat hampir dua kali lebih tinggi berbanding tahun 2018 (2021: 41.3%; 2018: 21.9%).[3] Kejayaan ini adalah hasil usaha pihak industri dan Bank. Usaha ini termasuk penawaran penyelesaian perniagaan yang disesuaikan, penggalakan kerjasama rapat antara agensi kerajaan berkaitan halal (seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Perbadanan Pembangunan Halal dan Jabatan Standard Malaysia), serta penganjuran program libat urus dan kesedaran berterusan sepanjang tahun.

Pada tahun 2022, Bank bekerjasama rapat dengan Bank Dunia (World Bank) untuk menerbitkan

[1] CAKNA merupakan skim rintis mudah tunai untuk vendor yang mempunyai kontrak pemerolehan kerajaan. Skim ini bertujuan meringankan beban aliran tunai dengan membolehkan mereka membuat pertukaran invois yang diluluskan untuk mendapatkan bayaran pendahuluan, pada kadar diskaun sebelum tarikh matang invois. Maklumat lanjut mengenai CAKNA boleh didapati menerusi https://www.bnm.gov.my/documents/6319173/d2d36f2a-3230-77ec-9886-b888e3519321/

[2] Sumber: Unit Perancang Ekonomi (2021) Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025

[3] Sumber: World Bank Group (2022) *Islamic Finance and the Development of Malaysia's Halal Economy*

Gambar Rajah 3: Fasa-Fasa Rintis Skim CAKNA – Impak dan Prestasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

laporan penyelidikan mengenai "Islamic Finance and the Development of Malaysia's Halal Economy". Laporan itu menyediakan enam saranan dasar untuk memajukan ekonomi halal (Jadual 1). Bank komited untuk bekerjasama dengan industri bagi melaksanakan saranan-saranan ini untuk memastikan kewangan Islam lebih bersepadu dengan ekonomi halal, terutamanya bagi pembiayaan perdagangan dan pelaburan halal.

Merintis kadar penanda aras berasaskan transaksi Islam

Pada bulan Mac 2022, Bank melancarkan Kadar Semalaman Islam Malaysia (Malaysia Islamic Overnight Rate, MYOR-i) bagi menggantikan Kadar Rujukan Islam Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Islamic Reference Rate). MYOR-i ialah kadar penanda aras berasaskan transaksi Islam pertama di dunia yang mematuhi Principles for Financial Benchmarks.[4] Pelancaran MYOR-i akan merangsang pembangunan produk kewangan patuh Syariah yang inovatif dan akan memperdalam pasaran kewangan Islam Malaysia. MYOR-i ini juga akan mengukuhkan ekosistem patuh Syariah yang menyeluruh dan memantapkan amalan pasaran terbaik. Kadar penanda aras berasaskan transaksi Islam ini juga akan menambah baik ketelusan dan kecekapan penetapan harga dalam kalangan peserta pasaran. Hal ini akan membantu meningkatkan lagi keyakinan orang ramai terhadap pasaran kewangan Islam dan meningkatkan peranannya dalam membiayai kegiatan ekonomi di Malaysia.

Kadar penanda aras ini telah dibangunkan melalui kerjasama dengan Jawatankuasa Pasaran Kewangan[5] dan Jawatankuasa Teknikal dan Pembangunan Pasaran Islam. Bank akan mengkaji MYOR-i secara berkala untuk memastikan kadar ini kekal relevan dan mencerminkan harga pasaran antara bank Islam.[6]

Memperkukuh kewangan berasaskan nilai untuk impak yang berterusan

Berlandaskan kemajuan yang berterusan beberapa tahun kebelakangan ini, Bank terus memperkukuh kerjasama dengan industri untuk mengembangkan lagi kewangan berasaskan nilai di Malaysia.

[4] Prinsip ini dibangunkan oleh International Organization of Securities Commissions (IOSCO) untuk menyediakan rangka kerja menyeluruh berkaitan dengan prinsip-prinsip penanda aras yang digunakan dalam pasaran kewangan.

[5] Jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Bank pada bulan Mei 2016, dengan perwakilan daripada institusi kewangan, syarikat korporat, penyedia perkhidmatan kewangan dan institusi lain yang mempunyai peranan atau penyertaan penting dalam pasaran kewangan.

[6] Pengiraan MYOR-i adalah berdasarkan purata berwajaran jumlah penempatan antara bank MYR semalaman tidak bercagar patuh Syariah.

Jadual 1: Saranan Dasar untuk Mempertingkatkan Ekonomi Halal Malaysia

Saranan	Pihak Berkepentingan
Meningkatkan penyelarasan dasar dan strategi merentasi pelbagai penggubal dasar dan penyedia kewangan Islam bagi meningkatkan impak program.[1]	Agensi kerajaan, pengawal selia kewangan, penyedia kewangan Islam dan PKS.
Mewujudkan hubungkait yang lebih erat antara program-program yang menyokong inovasi dan penambahbaikan produktiviti menggunakan kewangan Islam.[2]	Agensi kerajaan, penyedia kewangan Islam, PKS dan pusat penyelidikan.
Menggalakkan penyedia kewangan Islam, terutamanya institusi perbankan Islam, untuk mengambil bahagian dalam kerjasama sektor awam-swasta untuk merintis dan memperkembang penyelesaian kewangan Islam yang inovatif.	Agensi kerajaan, pengawal selia kewangan, penyedia kewangan Islam dan PKS.
Mengukuhkan kerjasama dengan penggubal dasar di negara-negara lain untuk memajukan penggunaan kewangan Islam dalam ekonomi halal.	Agensi kerajaan dan pengawal selia kewangan.
Meningkatkan peranan pelabur institusi yang berkaitan dan memperluaskan pembiayaan pasaran modal untuk ekonomi halal.	Agensi kerajaan, pengawal selia kewangan, penyedia kewangan Islam dan pelabur institusi.
Meningkatkan perkongsian data mengenai kewangan Islam dan ekonomi halal.	Agensi kerajaan dan pengawal selia kewangan.

Nota:

[1] Ini termasuk memperkemas strategi di bawah pelbagai perkongsian sektor awam-swasta untuk mengelakkan pertindihan sumber dan mengoptimumkan impak kepada benefisiari. Sebagai contoh, mengukuhkan hubungkait antara agensi kerajaan, penyedia kewangan dan pemboleh ekosistem (syarikat teknologi dan e-dagang) berkaitan halal bagi menawarkan penyelesaian yang komprehensif kepada syarikat halal.

[2] Penglibatan sektor swasta yang lebih besar demi menggalakkan kejayaan pelaksanaan penggunaan teknologi dalam kalangan PKS. Institusi kewangan Islam, sebagai contoh, boleh menawarkan khidmat nasihat sebagai tambahan dalam peralihan kewangan kepada PKS halal untuk mengubah perniagaan mereka menjadi lebih mampan dan kurang berintensif karbon.

Sumber: World Bank Group (2022) *Islamic Finance and the Development of Malaysia's Halal Economy*

Sejak Kertas Strategi mengenai Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-Based Intermediation, VBI) diperkenalkan pada tahun 2017, industri kewangan Islam telah mengantara sejumlah RM302.2 bilion dalam inisiatif yang selaras dengan VBI.[7] Aktiviti kewangan berasaskan nilai didorong oleh pertimbangan berhubung dengan sumbangan dan impaknya kepada pihak berkepentingan yang lebih meluas. Hal ini termasuk menyokong agenda iklim dan kelestarian. Aktiviti kewangan berasaskan nilai juga ditunjangi oleh tadbir urus kendiri yang baik dan amalan terbaik institusi kewangan Islam (IKI).

Menggalakkan agenda iklim dan kelestarian

Berikutan penerbitan Rangka Kerja Pengantaraan Takaful Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation for Takaful, VBIT) pada tahun 2021, Persatuan Takaful Malaysia dan Jawatankuasa Pemandu VBIT telah membangunkan Pelan Hala Tuju VBIT. Pelan Hala Tuju ini dilancarkan semasa Forum Kewangan Islam Global (Global Islamic Finance Forum, GIFF)[8] yang ketujuh. Pelan ini menekankan tujuh bidang tumpuan utama yang bertujuan mengukuhkan peranan industri takaful dalam membina daya tahan kewangan rakyat Malaysia (Gambar Rajah 4). Pelan ini juga menyediakan panduan untuk pengendali takaful mencapai hasil VBIT yang dihasratkan dan mencadangkan inisiatif untuk mencapai matlamat VBIT oleh pengendali takaful. Pelan Hala Tuju ini bertujuan memberikan kejelasan dan berfungsi sebagai alat untuk pengendali takaful menjejak kemajuan serta menentukan impak strategi dan inisiatif berdasarkan asas VBIT.

Bank juga bekerjasama rapat dengan IKI untuk menyelaras usaha-usaha berkaitan iklim dengan inisiatif kewangan berasaskan nilai yang didorong industri. Pada bulan Februari 2022, Komuniti Pengamal (Community of Practitioners, CoP)[9] telah menerbitkan kohort kedua panduan sektoral mengenai Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework, VBIAF). Kohort ini meliputi sektor minyak dan gas, pembinaan dan infrastruktur, serta perkilangan yang bertujuan membantu institusi kewangan menilai impak keputusan pembiayaan dan pelaburan mereka dalam sektor-sektor ini. Kohort ketiga panduan sektoral, yang meliputi sektor pertanian, perlombongan dan pengkuarian, pengangkutan, serta pengurusan penyimpanan dan sisa, dijangka

[7] Sumber: AIBIM (2021) *Value-based Intermediation Full Report*, AIBIM (2020) *Inaugural Islamic Banking Industry Value-based Intermediation Preview Report* 2017-2020

[8] Maklumat lanjut mengenai GIFF akan dibincangkan dalam bahagian selanjutnya dalam bab ini di bawah bahagian "Menyokong inisiatif global".

[9] CoP ialah platform kerjasama bagi peserta industri untuk memajukan pelaksanaan agenda VBI di seluruh industri secara strategik. Setakat ini, 15 bank Islam merupakan ahli CoP.

Gambar Rajah 4: Hasil Utama Pelan Hala Tuju VBIT



Sumber: MTA (2022) Pelan Hala Tuju Pengantaraan Berasaskan Nilai untuk Takaful

dimuktamadkan menjelang suku keempat tahun 2023. Panduan-panduan ini akan merangkumi kes-kes penggunaan yang praktikal bagi menyerlahkan sinergi antara panduan sektoral VBIAF dengan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy). Hal in seterusnya akan membantu institusi kewangan menangani risiko berkaitan iklim dalam sektor ekonomi masing-masing.

Bank juga bekerjasama dengan industri dan Bank Dunia (World Bank) untuk memperhalus langkah-langkah penilaian impak VBI. Hal ini bertujuan memastikan pelaporan impak yang adil dan bermakna serta mengelakkan amalan *impact washing*.[10]

Memupuk kepercayaan dan memperkasakan pengguna kewangan

Usaha untuk memperkasa dan memupuk kepercayaan dalam kalangan pengguna kewangan Islam tertumpu pada tiga bidang utama:

- Merumuskan keputusan Syariah yang menyelesaikan isu-isu kontemporari;
- Mengukuhkan jaringan keselamatan kewangan; dan
- Memajukan pendigitalan perkhidmatan kewangan Islam.

Merumuskan keputusan Syariah yang menyelesaikan isu-isu kontemporari

Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) terus mengeluarkan keputusan Syariah yang memberikan panduan kepada perniagaan, operasi dan amalan kewangan Islam dalam persekitaran operasi di Malaysia. Peranan MPS adalah penting untuk mengekalkan sistem kewangan Islam yang berwibawa seiring dengan perkembangan dan kematangannya yang berterusan. Pada tahun 2022, beberapa isu telah dibincangkan dan dirumuskan oleh MPS. Perbincangan ini menjelaskan kepatuhan Syariah transaksi kewangan Islam dan memudahkan penggunaan pelbagai kontrak Syariah (Gambar Rajah 5).

[10] Merujuk amalan-amalan apabila impak negatif daripada sesuatu aktiviti disamarkan atau disembunyikan sebagai mempunyai impak positif.

Gambar Rajah 5: Sorotan Keputusan Majlis Penasihat Shariah (MPS) pada Tahun 2022



Nota:
[1] Merujuk kepada pembayaran manfaat kepada peserta yang mempunyai pengalaman tuntutan yang baik.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mengukuhkan jaringan keselamatan kewangan

Pada tahun 2022, bilangan pengendali takaful yang mengambil bahagian dalam inisiatif Perlindungan Tenang (PT)[11] meningkat kepada sepuluh (2021: tujuh). Lima produk takaful PT baharu diperkenalkan dan beberapa penambahbaikan telah dibuat kepada produk sedia ada (jumlah produk takaful PT di pasaran: 16). Secara kolektif, semua produk ini menawarkan perlindungan yang pelbagai dan mampu milik kepada pengguna, sekiranya berlaku kematian, kemasukan ke hospital, penyakit kritikal, kebakaran atau kemalangan peribadi. Berikutan penularan pandemik, perlindungan takaful untuk kematian akibat COVID-19 atau kesan sampingan daripada vaksinasi COVID-19 juga disediakan. Produk takaful kebakaran pertama di bawah PT juga diperkenalkan pada tahun 2022. Di samping perlindungan terhadap risiko kerugian akibat kebakaran, produk ini juga menyediakan perlindungan banjir bagi pengguna yang tinggal di kawasan yang terdedah kepada bencana. Untuk mencapai segmen sasaran yang lebih luas, produk PT boleh diperoleh melalui pelbagai saluran termasuk platform dalam talian, bancatakaful, penyedia e-Dompet dan ejen korporat lain. Butiran lanjut tentang perkembangan ini boleh didapati dalam bab "Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif".

[11] Perlindungan Tenang ialah inisiatif yang bertujuan untuk memperluas ketersediaan dan kualiti penyelesaian insurans dan takaful bagi memenuhi keperluan segmen tiada kemudahan perkhidmatan kewangan atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan untuk menggalakkan daya tahan kewangan dan sosial mereka. Produk yang layak di bawah inisiatif Perlindungan Tenang mesti memenuhi lima prinsip utama – mampu dimiliki; mudah diakses oleh segmen sasaran; memberikan nilai perlindungan yang baik; mudah difahami; dan mudah dibeli, membuat pencalonan dan membuat tuntutan.

Memajukan pendigitalan perkhidmatan kewangan Islam

Daripada lima pemohon bank digital yang berjaya yang diumumkan pada bulan April 2022, dua pemohon akan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Bank sedang berbincang dan berinteraksi dengan pemohon yang berjaya untuk memastikan mereka bersedia secara operasi untuk memulakan perniagaan berlesen ini. Hal ini merupakan sebahagian daripada usaha Bank untuk memperluas akses yang lebih baik, dan menggalakkan penggunaan yang bertanggungjawab terhadap penyelesaian kewangan yang bersesuaian, kepada segmen yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Selain itu, Bank juga sedang berusaha untuk terus memperluas skop peserta kewangan digital dengan penerbitan Draf Dedahan mengenai Rangka Kerja Pelesenan dan Pengawalseliaan untuk Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful Digital. Butiran lanjut mengenai perkembangan ini boleh didapati dalam bab "Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif".

Memperdalam hubungan rentas sempadan dan memajukan kepimpinan Malaysia pada peringkat global

Dari tahun ke tahun, Malaysia telah diiktiraf sebagai antara pasaran utama dalam kewangan Islam.[12] Usaha Bank tertumpu kepada pembinaan infrastruktur pasaran yang berkesan dan pewujudan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan sektor ini. Bagi tahun 2022, Bank telah memberikan tumpuan pada perkara yang berikut untuk memajukan kepimpinan Malaysia yang berterusan dalam kewangan Islam:

- Memperkukuh kerjasama rentas sempadan bagi memupuk sikap saling menghormati terhadap pandangan Syariah;
- Memupuk kepimpinan industri yang lebih unggul; dan
- Menyokong inisiatif global.

Memperkukuh kerjasama rentas sempadan bagi memupuk sikap saling menghormati terhadap pandangan Syariah

Bank merupakan perintis bagi rangkaian global penasihat Syariah yang dikenali sebagai Badan Berautoriti Penasihat Syariah Berpusat (Centralised Shariah Advisory Authorities, CSAA). Rangkaian ini bertujuan mengukuhkan jalinan global dan memupuk sikap saling menghormati terhadap pandangan Syariah merentasi pelbagai negara. Sokongan kepada rangkaian ini terus berkembang, dengan bilangan negara yang mengambil bahagian dua kali lebih tinggi sejak mesyuarat kali pertamanya pada tahun 2018 (2022: 18 negara; 2018: 7 negara).

Pada bulan Oktober 2022, CSAA mengadakan mesyuaratnya yang keempat di Abu Dhabi. Mesyuarat itu dihadiri oleh lebih 40 cendekiawan Syariah dan pakar kewangan Islam dari 12 negara. Mesyuarat itu membincangkan cabaran, amalan dan pertimbangan yang mendasari prinsip-prinsip Syariah untuk situasi mendesak (*hajah*). Mesyuarat itu juga membincangkan peranan penting lembaga penasihat Syariah dalam menyokong inovasi pembangunan sosial dan lestari, selaras dengan landskap operasi yang berkembang. Rencana mengenai "Memupuk Jalinan Antarabangsa dalam Kalangan Lembaga Syariah Pusat bagi Kewangan Islam" membincangkan kemajuan dan jangkaan masa hadapan CSAA.

Memupuk kepimpinan industri yang lebih unggul

Meskipun perkembangan peringkat awal kewangan Islam di Malaysia sebahagian besarnya diterajui oleh pengawal selia, peserta industri telah memainkan peranan yang lebih besar dalam memacu pertumbuhan industri dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Bagi memajukan lagi kedudukan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) dan menyediakan kepimpinan industri yang lebih unggul, Bank menjalin kerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti (Securities Commission, SC) untuk menubuhkan Majlis Kepimpinan MIFC (MIFC Leadership Council, MLC) pada bulan Oktober 2022. Pembentukan MLC menandakan pencapaian penting dalam usaha meningkatkan peranan industri untuk menerajui agenda MIFC. Rencana bertajuk "Majlis Kepimpinan MIFC: Mempergiat Kepimpinan Industri" membincangkan mandat dan hasil yang dijangkakan daripada penubuhan MLC.

[12] Berdasarkan ICD-Refinitiv Islamic Financial Development Indicator (IFDI) 2022, Malaysia secara konsisten menduduki tempat pertama selama 10 tahun berturut-turut. Penunjuk ini merupakan indeks komposit berwajaran yang mengukur perkembangan keseluruhan pasaran kewangan Islam.

Menyokong inisiatif global

Sepanjang tahun 2022, Bank giat mengambil bahagian dalam platform dan acara antarabangsa selain memberikan sokongan kepada pembangunan keupayaan global dalam kewangan Islam (Gambar Rajah 6).

Bank menganjurkan secara bersama dua acara utama kewangan Islam pada tahun 2022. Bank bekerjasama dengan SC untuk menganjurkan majlis penyampaian Anugerah Diraja Kewangan Islam (Royal Award for Islamic Finance, RAIF) dan bekerjasama dengan AIBIM untuk menganjurkan GIFF kali yang ketujuh, iaitu satu acara berprestij yang bertujuan menghimpunkan pemikir dan cendekiawan terkemuka bagi membincangkan strategi masa hadapan untuk industri kewangan Islam global. Acara-acara yang berlangsung pada suku keempat 2022 ini memberikan tumpuan pada inovasi berasaskan nilai dan penyelesaian digital.

Bertemakan "*Take the Reins*", GIFF menekankan peranan kewangan Islam dalam memajukan pendigitalan, kelestarian dan kewangan sosial. Acara tersebut, yang dianjurkan dalam format hibrid, disertai oleh hampir 3,000 peserta dari lebih 35 negara. Selain pelancaran Pelan Hala Tuju VBIT, GIFF turut melancarkan Laporan Penuh mengenai Pengantaraan Berasaskan Nilai 2021 (Value-based Intermediation Full Report 2021) oleh AIBIM.

RAIF 2022 telah dikurniakan oleh Yang di-Pertuan Agong kepada Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, atas sumbangan besar beliau kepada pertumbuhan kewangan Islam pada peringkat global (Gambar Rajah 7). Pada tahun 2022, Anugerah ini telah menerima 49 penyertaan, untuk 37 pencalonan dari 14 negara, yang termasuk pengamal kewangan Islam, penasihat Syariah dan ahli akademik.

Gambar Rajah 6: Perkongsian dan Inisiatif Utama dalam Kewangan Islam di Peringkat Antarabangsa



Komitmen berterusan ke arah pembangunan pengawalseliaan kewangan Islam global

- Ahli Majlis IFSB, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif dan Ahli Jawatankuasa Teknikal
- Ahli Lembaga Tadbir IILM, Ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga, Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga

Butiran lanjut mengenai sumbangan Bank dalam jawatankuasa tersebut boleh didapati dalam bab "Libat Urus Antarabangsa"



Menyokong pembinaan keupayaan dan perkongsian ilmu dalam kewangan Islam

- Memberikan sokongan pembangunan kapasiti kepada pihak berkuasa pengawalseliaan di negara lain seperti Indonesia, Filipina, Uganda dan Mauritania dalam usaha mengukuhkan ekosistem kewangan Islam di negara mereka
- Berkongsi pengalaman Malaysia dalam membangunkan kewangan Islam pada acara dan bengkel antarabangsa seperti UNDP Islamic Finance International Thought Leadership Forum, IFSB Innovation Forum ke-4, Islamic Sustainable Finance & Investment Forum 2022 oleh *Islamic Finance News*, Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur ke-17 dan bengkel COMCEC mengenai 'Amalan Terbaik dalam Mempromosikan Literasi Kewangan dan Kewangan Islam di Negara Anggota OIC'



Menyertai dan menyokong wacana intelektual mengenai kewangan Islam

- Menyertai perbincangan antarabangsa dengan memberi tumpuan kepada memajukan sumbangan, inovasi, dan pendigitalan kewangan Islam, contohnya Mesyuarat OIC-COMCEC Central Banks Forum ke-4 dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Economic and Commercial Cooperation (COMCEC) Financial Cooperation Working Group ke-18
- Terlibat dalam Forum Kewangan Islam Global 2022 dengan kerjasama AIBIM sebagai penganjur untuk merangka struktur program yang memberi tumpuan kepada bidang pertumbuhan masa hadapan dan penciptaan impak
- Membentangkan Kertas Perbincangan Bank mengenai *Hajah* (situasi mendesak) pada Mesyuarat Meja Bulat Centralised Shariah Advisory Authority (CSAA) yang dianjurkan oleh Central Bank of the UAE di Abu Dhabi pada 11 Oktober 2022



Menganjurkan Anugerah Diraja Kewangan Islam 2022 bagi mengiktiraf sumbangan kewangan Islam di peringkat global

- Anugerah RAIF, Anugerah Pemimpin Baharu dan Anugerah Cabaran Berimpak (lihat butiran dalam Gambar Rajah 7 dan 8)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dua kategori anugerah baharu, iaitu Anugerah Pemimpin Baharu (Emerging Leader Prize, ELP) dan Anugerah Cabaran Berimpak (Impact Challenge Prize, ICP) telah diperkenalkan pada tahun 2022. Anugerah ini mengiktiraf dan meraikan pemimpin muda dalam kewangan Islam serta penyelesaian inovatif yang menghasilkan impak positif pada skala global. ELP menerima 18 penyertaan dari lapan negara, manakala ICP menerima 50 permohonan dari 14 negara. ICP telah dianjurkan secara bersama dengan World Bank Group Inclusive Growth and Sustainable Finance Hub di Malaysia dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (Gambar Rajah 8).

Gambar Rajah 7: Penerima Anugerah Diraja Kewangan Islam 2022

Penerima Anugerah Diraja 2022
mengiktiraf sumbangan cemerlang dalam kewangan Islam

THE ROYAL AWARD FOR ISLAMIC FINANCE™



Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar

Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar merupakan seorang tokoh cendekiawan Syariah dan usahawan kewangan Islam yang tersohor. Beliau terkenal di peringkat global berikutan sumbangan beliau di dalam bidang penasihatan Syariah. Kerjaya beliau yang cemerlang merangkumi pelbagai jawatan dalam lembaga Syariah di institusi kewangan, organisasi dan pengawal selia sektor kewangan utama antarabangsa.

Gambar Rajah 8: Kategori Anugerah Baharu, Pemenang dan Sumbangan Masing-masing

Anugerah Pemimpin Baharu (APB)
mengiktiraf bakat muda yang memberikan sumbangan cemerlang dalam memajukan inovasi dalam bidang kewangan Islam



Umar Abdullah Mahmud Munshi
Pengasas bersama dan Pengarah Urusan Kumpulan Ethis Group

Memudahkan pelaburan berimpak
- ✓ Dana daripada lebih 50 negara
- ✓ Disalurkan untuk membiayai projek PKS serta perumahan sosial
- ✓ Melalui platform teknologi kewangan dan *crowdfunding* patuh Syariah

Anugerah Cabaran Berimpak (ACB)
mengiktiraf penyelesaian inovatif berdasarkan prinsip kewangan Islam, yang berupaya meningkatkan daya tahan ekonomi dan sosial masyarakat yang terjejas dari segi kewangan di seluruh dunia

Duithape, Indonesia

Memudahkan pengeluaran pembiayaan mikro patuh Syariah untuk peniaga PKS melalui sistem pembayaran tanpa tunai menggunakan biometrik

Pod, Malaysia

Menubuhkan platform digital bagi membantu pekerja gig untuk;
- ✓ Mendapatkan akses kepada pembiayaan mikro patuh Syariah
- ✓ Memudahkan penilaian kredit alternatif

Sumber: Bank Negara Malaysia

Langkah Selanjutnya

Keutamaan Bank pada tahun 2023 akan terus dibina berasaskan kekukuhan ekosistem kewangan Islam di Malaysia, bagi meningkatkan sumbangannya kepada semua pihak berkepentingan. Di samping meneruskan inisiatif yang sedang dilaksanakan pada masa ini, Bank akan memberikan tumpuan pada:

- Memodenkan penggunaan kontrak Syariah untuk menggalakkan inovasi yang memberi impak;
- Merintis lebih banyak penyelesaian berasaskan nilai; dan
- Memperkukuh pendorong ekosistem bagi memajukan perkembangan kewangan Islam.

Bagi merealisasikan sepenuhnya potensi kewangan Islam, seluruh ekosistem perlu diselaraskan dengan nilainya, dengan kepimpinan yang kukuh oleh industri. Secara keseluruhan, langkah ini akan memajukan lagi "pertumbuhan berasaskan nilai", yang seimbang, progresif, mampan dan inklusif.

Memupuk Jalinan Antarabangsa dalam Kalangan Lembaga Syariah Pusat bagi Kewangan Islam

Malaysia merupakan antara negara pertama di dunia yang menubuhkan lembaga Syariah pusat dalam kewangan Islam di bank pusat.[1] Sejak penubuhannya pada tahun 1997, Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia memainkan peranan utama dalam memberikan kejelasan Syariah kepada industri kewangan Islam di Malaysia. Sejak diwujudkan, keputusan Syariah yang dikeluarkan oleh MPS terus memainkan peranan penting bagi menyokong perkembangan sistem kewangan Islam yang teratur di Malaysia, antaranya menggalakkan inovasi dan pada masa yang sama meningkatkan keyakinan terhadap integriti penyelesaian kewangan yang berteraskan prinsip Syariah.

Peranan penting yang dimainkan oleh lembaga Syariah pusat dalam memelihara kesucian Syariah dan mengekalkan keyakinan orang ramai semakin mendapat perhatian di peringkat global. Bermula dengan tiga negara perintis pada tahun 1990-an, kini terdapat 20 negara yang mempunyai lembaga Syariah pusat dalam kewangan Islam (rujuk Gambar Rajah 1). Struktur institusi, peranan dan mandat lembaga Syariah pusat berbeza-beza di setiap negara, mencerminkan saiz dan kegiatan industri kewangan Islam yang kompleks serta landskap operasi di negara-negara tersebut.

Gambar Rajah 1: Negara yang mempunyai lembaga Syariah pusat dalam kewangan Islam



Sumber: Bank Negara Malaysia dan laman sesawang pihak berkuasa pengawalseliaan kewangan dan lembaga Syariah pusat masing-masing

[1] Lembaga Syariah pusat dalam kewangan Islam merujuk kepada lembaga Syariah di peringkat negara yang ditubuhkan untuk membincangkan isu Syariah dalam kewangan Islam.

Sistem kewangan global yang sentiasa berkembang dan lebih bersepadu memerlukan hubungan yang lebih kukuh dalam kalangan lembaga Syariah pusat

Meninjau ke hadapan, kewangan Islam mempunyai potensi besar yang masih belum dimanfaatkan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi, memperkasa perdagangan dan ekonomi digital serta membina ketahanan sosial dan iklim. Seiring dengan hal ini, isu-isu Syariah sememangnya dan akan terus menjadi lebih kompleks dengan implikasi yang melangkaui sempadan negara. Berlatarkan keadaan ini, hubungan yang lebih kukuh antara lembaga Syariah pusat daripada pelbagai negara diperlukan bagi membolehkan pertukaran dan pengiktirafan bersama berkenaan amalan terbaik dan perumusan penyelesaian Syariah berdasarkan hujah yang mantap dapat memenuhi keperluan ekonomi dan sosial semasa dan masa hadapan.

Bagi mencapai jalinan dan pengiktirafan bersama yang lebih baik dalam Syariah, mesyuarat Centralised Shariah Advisory Authorities in Islamic Finance (CSAA) telah diadakan buat julung kalinya pada tahun 2018. Mesyuarat ini menandakan pembentukan platform rangkaian hubungan antarabangsa dalam kalangan lembaga Syariah pusat daripada pelbagai negara bagi membincangkan isu-isu Syariah semasa dan yang baru muncul, dengan tujuan untuk memanfaatkan pelbagai perspektif dan pengalaman bagi menyokong pembangunan kewangan Islam yang kukuh dan teratur secara global.



Mesyuarat CSAA pertama anjuran Bank Negara Malaysia (Bank) pada tahun 2018. Dari kiri: Timbalan Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour, Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, mantan Pengerusi MPS Bank dan Allahyarham Sheikh Dr. Abdul Sattar Abu Ghuddah, mantan Pengerusi Centralised Shariah Supervisory Board of Central Bank of Bahrain.



Mesyuarat CSAA kali keempat yang dianjurkan oleh Central Bank of the United Arab Emirates (UAE) pada 11 Oktober 2022. Perwakilan Bank yang diketuai oleh Profesor Dr. Ashraf Md Hashim, Pengerusi MPS merupakan antara pembentang utama, yang berkongsi Kertas Perbincangan Bank yang diterbitkan baru-baru ini mengenai Hajah (situasi mendesak) yang menggariskan cadangan parameter penggunaan hajah oleh institusi kewangan Islam. - Foto ihsan Central Bank of the UAE

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, CSAA telah membantu memperkukuh keupayaan lembaga Syariah pusat dalam usaha menangani cabaran yang muncul melalui pertukaran pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik. Perbincangan yang dianjurkan oleh CSAA bertujuan untuk menangani:

(a) isu-isu Syariah yang dihadapi bersama (sebagai contoh, pertimbangan Syariah dalam pelaksanaan langkah-langkah bantuan untuk mengurangkan beban kewangan pelanggan yang terjejas teruk akibat pandemik, seperti penerapan prinsip keadilan (*`adl*) dan ihsan); dan

(b) dasar Syariah yang sangat penting yang memberikan kesan pembangunan jangka panjang terhadap pertumbuhan, inovasi dan kestabilan kewangan Islam (rujuk Gambar Rajah 2).

Rajah 2: Corak perbincangan dalam mesyuarat CSAA telah berkembang bagi memenuhi keperluan semasa negara-negara peserta



Mesyuarat Pertama *2 Oktober 2018* *Bank Negara Malaysia (Kuala Lumpur)*	Mesyuarat Kedua *11 Mei 2020* *Central Bank of the UAE (secara maya)*	Mesyuarat Ketiga *21 Disember 2021* *Bank Negara Malaysia (secara maya)*	Mesyuarat Keempat *11 Oktober 2022* *Central Bank of the UAE (hibrid)*
Saling bertukar pengetahuan dan pengalaman mengenai **penubuhan lembaga Syariah pusat bagi kewangan Islam** • Rangka kerja tadbir urus Syariah • Rujukan (contoh: pertanyaan) daripada mahkamah dan penimbang tara	Saling bertukar pandangan dan keputusan Syariah mengenai langkah-langkah pengawalseliaan yang diambil oleh negara masing-masing bagi **menangani kesan pandemik COVID-19** • Langkah pengawalseliaan yang diambil termasuk moratorium dan penggunaan dana khusus untuk membantu individu yang terjejas	Perbincangan mengenai **peranan penting lembaga Syariah pusat untuk mengetengahkan kewangan Islam** dalam arus perdana, dan rangka kerja yang kukuh bagi memastikan lembaga Syariah yang berkualiti	Perbincangan mengenai **kepentingan panduan Syariah tentang konsep *hajah* (situasi mendesak)** untuk menyediakan panduan bagi institusi kewangan Islam menguruskan risiko dan berinovasi secara berterusan dalam landskap operasi kewangan yang sentiasa berkembang, penyelarasan dan kepelbagaian kontrak Syariah serta peranan lembaga Syariah pusat ke arah mencapai matlamat kelestarian

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Central Bank of the UAE

Peranan CSAA pada Masa Hadapan

Perbezaan amalan Syariah merentas negara adalah disebabkan oleh beberapa faktor termasuk perbezaan pendapat ulama apabila mengambil kira aspek praktikal dan pelaksanaan keputusan Syariah dalam usaha menangani keperluan serta kepentingan (*maslahah*) masyarakat.[2] Perbezaan seperti ini diterima dalam bidang perundangan Islam). Menerusi CSAA, lembaga Syariah pusat dijangka dapat meningkatkan pemahaman, penghormatan dan penerimaan yang lebih meluas terhadap kepelbagaian amalan Syariah bagi memanfaatkan potensi kewangan Islam sepenuhnya demi kepentingan bersama ekosistem kewangan Islam secara global. Hal ini disokong oleh usaha berterusan untuk memperkukuh mekanisme dan tadbir urus CSAA bagi memainkan peranan yang lebih penting pada masa hadapan. Pandangan Syariah yang dijana melalui perbincangan CSAA akan menjadi satu lagi sumber rujukan pihak pengawal selia kewangan, badan pengeluar fatwa global dan organisasi penetapan piawaian antarabangsa.

CSAA dijangka akan terus berkembang sebagai platform rangkaian hubungan global yang kukuh bagi menyokong pertumbuhan kewangan Islam yang mampan, berteraskan tujuan dan pemikiran bersama demi memanfaatkan kebijaksanaan kolektif lembaga Syariah pusat yang terlibat. Hal ini merupakan prasyarat penting bagi memastikan CSAA dan negara-negara yang terlibat dapat bertindak balas dengan berkesan terhadap risiko Syariah yang muncul serta mengoptimumkan peluang dalam kewangan Islam. Melalui jalinan yang lebih erat dan kepimpinan kolektif yang lebih mantap, CSAA akan dapat memberikan sumbangan ke arah memperkukuh ekosistem kewangan Islam global.

[2] Sebagai contoh, klausa rebat (*ibra'*) mandatori yang dimasukkan dalam perjanjian pembiayaan Islam di Malaysia adalah dibenarkan bagi memelihara keadilan dan kejelasan kontrak serta mengurangkan bahaya moral. Keputusan sedemikian melindungi kepentingan pengguna terutamanya dalam proses kehakiman.

Majlis Kepimpinan MIFC: Mempergiat Kepimpinan Industri

Sejak pelancaran inisiatif MIFC[1] pada tahun 2006, sistem kewangan Islam di Malaysia telah berkembang menjadi antara ekosistem yang paling maju dengan penyelesaian yang pelbagai dan peserta yang berdaya tahan (Gambar Rajah 1).[2] Pada peringkat global, kewangan Islam kini ditawarkan di lebih 130 negara dengan jumlah aset bernilai USD4 trilion, menandakan pertumbuhan tahunan sebanyak 17% pada tahun 2021.[3] Industri ini dijangka terus berkembang kepada USD5.6 trilion menjelang tahun 2026.[4] Berikutan ekosistem kewangan Islamnya yang menyeluruh, Malaysia kini berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan peluang pertumbuhan yang memberangsangkan bagi industri ini pada peringkat global. Keutamaan penting adalah untuk mengukuhkan tawaran nilai Malaysia sebagai gerbang antarabangsa dan kepimpinan berwawasan bagi kewangan Islam dan ekosistemnya. Usaha ini termasuk meningkatkan kesalinghubungan antara peserta pasaran, perniagaan dan pelabur dengan peluang kewangan Islam di Asia dan OIC.[5] Tumpuan turut diberikan pada usaha mengeksport kepakaran dan penyelesaian dalam bidang seperti kewangan mampan, mudah cara perdagangan halal dan *fintech* Islam.

Gambar Rajah 1: Ekosistem kewangan Islam yang komprehensif di Malaysia



Nota: VBI — Value-based Intermediation, VBIT — Value-based Intermediation for Takaful, ASAS — Association of Shariah Advisors in Islamic Finance, CIIF — Chartered Institute of Islamic Finance Professionals, BSAS — Bursa Suq Al-Sila' (sebuah platform dagangan komoditi untuk memudah cara pengurusan kecairan dan pembiayaan Islam oleh institusi-institusi kewangan Islam), IBFIM — Islamic Banking and Finance Institute Malaysia.

Sumber: BNM, AIBIM Value-based Intermediation (VBI) Preview Report 2017-2020 dan Full Report 2021 (berdasarkan serahan data oleh anggota bank), ICD — Refinitiv Islamic Finance Development Indicator Report 2022 serta laman sesawang dan anggaran MIFC.

[1] Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC), ialah inisiatif yang dilancarkan pada 14 Ogos 2006 untuk memartabatkan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa.
[2] ICD – Refinitiv Islamic Finance Development Indicator 2022 (IFDI); Bank Dunia: Islamic Finance and the Development of Malaysia's Halal Economy Report 2022; The State of the Global Islamic Economy Report 2022 oleh DinarStandard dengan sokongan Dubai Economy and Tourism (DET).
[3] ICD – Refinitiv Islamic Finance Development Report (IFDI) 2022.
[4] ICD – Refinitiv Islamic Finance Development Report (IFDI) 2022.
[5] Pertubuhan Kerjasama Islam (Organisation of Islamic Cooperation, OIC).

Bagi menyokong usaha ini, Bank dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC) telah menubuhkan Majlis Kepimpinan MIFC (MIFC Leadership Council, MLC) pada bulan Oktober 2022[6] (Gambar Rajah 2). MLC ialah platform yang diterajui industri untuk meningkatkan tawaran nilai MIFC sebagai pasaran global dan gerbang antarabangsa bagi kewangan Islam. MLC bermatlamat untuk memperkukuh peranan industri dalam usaha memperjuangkan agenda MIFC. Hal ini sejajar dengan sistem kewangan Islam di Malaysia yang semakin matang serta menunjukkan peralihan daripada pengaturan yang lebih berpandukan pengawalseliaan pada peringkat awal perkembangan MIFC. MLC disokong oleh sebuah Sekretariat yang khusus. Pada tahun 2023, MLC akan memberikan tumpuan pada usaha menggerakkan beberapa program kerja. Usaha ini termasuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pengumpulan dana dan pelaburan Islam, menangani ketidaksamaan, menggalakkan kelestarian, mempertingkatkan modal insan dan pengetahuan serta pemerkasaan digital.

Gambar Rajah 2: Mandat, keahlian dan matlamat Majlis Kepimpinan MIFC

Mandat

"Strategi" **"Tindakan"** **"Advokasi"**

Platform untuk menerajui perkembangan dan promosi MIFC dengan mengenal pasti peluang antarabangsa, keutamaan strategik industri dan memantau inisiatif industri. Hal ini termasuk mempercepat pelaksanaan inisiatif yang akan:

- Memupuk idea, strategi atau inisiatif baharu;
- Memperdalam dan mempelbagaikan hubungan strategik antara rakan kongsi dalam negeri dan antarabangsa; dan
- Menyediakan kepimpinan berwawasan industri.

Ahli-ahli

Tokoh penting dalam industri tempatan dan antarabangsa serta perwakilan daripada BNM dan SC.



Tan Sri Azman Mokhtar (Pengerusi)



Tan Sri Andrew Sheng



Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood



Dato Paduka Iqbal Ahmad Khan



Dato' Mohammad Faiz Azmi



Datuk Abdul Rasheed Ghaffour



Dato' Abdul Rahman Ahmad



Rejina Rahim



Sharifatul Hanizah Said Ali

Nota:
Puan Sharifatul Hanizah Said Ali telah dilantik sebagai wakil SC ke MLC bagi menggantikan Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin, mantan Timbalan Ketua Eksekutif SC.

Matlamat yang dihasratkan

- Daya saing global industri kewangan Islam Malaysia yang dipertingkat bagi memanfaatkan peluang di luar Malaysia
- Lebih banyak inovasi kewangan yang menghasilkan impak positif kepada ekonomi, komuniti dan alam sekitar
- Mengeratkan lagi hubungan kewangan dan kerjasama antarabangsa
- Kepimpinan berwawasan global yang berterusan dalam kewangan Islam

[6] Penubuhan MLC diumumkan semasa Forum Kewangan Islam Global 2022 pada 5 Oktober 2022.